



31 Disember 2011
31 December 2011
P.U. (A) 443

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN PENERBITAN SEKURITI ISLAM) 2011

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF ISLAMIC SECURITIES) RULES 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
PENERBITAN SEKURITI ISLAM) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Islam) 2011.**

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“syarikat” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau

(b) diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*].

“sekuriti Islam” ertinya sekuriti Islam menurut prinsip *Wakalah*, yang terdiri daripada campuran komponen hutang dan aset.

Potongan

3. Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan potongan suatu amaun yang sama dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat itu bagi penerbitan sekuriti Islam yang diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh—